

08/01/2004

PM rombak Kabinet (HL)

Manja Ismail; Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Seorang pakar kewangan dilantik menganggotai Kabinet, manakala tiga menteri bertukar portfolio dalam rombakan kecil yang menyaksikan pelantikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Penasihat khas kewangan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, 56, dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua menggantikan Datuk Dr Jamaludin Jarjis yang ditukar ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dr Jamaludin mengambil alih tempat Tan Sri Muhyiddin Yassin yang kini menjadi Menteri Pertanian, menggantikan Datuk Seri Effendi Norwawi. Effendi pula dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, iaitu portfolio yang diwujudkan semula.

Pengumuman pelantikan itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada sidang akhbar khas selepas mesyuarat Kabinet di sini pada jam 2.05 petang semalam.

Semua pelantikan itu berkuat kuasa serta-merta, kecuali jawatan Menteri Kewangan Kedua yang berkuat kuasa Jumaat ini apabila Nor Mohamed mengangkat sumpah jawatan sebagai Ahli Dewan Negara.

Dalam dewan sidang media yang penuh sesak dengan wartawan tempatan dan asing itu, Abdullah terus mengumumkan nama Najib sebagai timbalannya.

"Saya telah berikan surat pelantikan kepada Najib semalam (kelmarin) dan saya telah membawa beliau berjumpa Yang di-Pertuan Agong pagi ini (pagi semalam) di Istana Negara untuk memaklumkan secara rasmi.

"Tadi juga saya memaklumkan kepada jemaah menteri mengenai pelantikan Najib dan Kabinet mengucapkan tahniah kepada beliau dan berjanji untuk memberi kerjasama serta sokongan," katanya.

Pengumuman rasmi pelantikan Najib itu juga mengakhiri teka-teki mengenai jawatan nombor dua dalam kerajaan, terutama selepas Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Ini adalah rombakan pertama Kabinet sejak Abdullah menyandang jawatan Perdana Menteri. Kali terakhir rombakan Kabinet dibuat ialah pada 24 Jun tahun lalu ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Abdullah berkata, Najib, 50, akan terus mengekalkan jawatan sebagai Menteri Pertahanan manakala semua menteri Kabinet yang lain kekal dengan portfolio masing-masing.

Ditanya bagaimana beliau membuat keputusan mengenai siapa yang akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata:

"Saya sudah memberitahu anda sebelum ini bahawa saya akan mengumumkannya sebaik saja saya memutuskan bahawa saya perlukan seorang timbalan. Jadi, saya perlukan seorang timbalan dan saya memutuskan untuk mengumumkannya."

Mengenai impak pelantikan Najib terhadap Umno, Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno berkata ia adalah sesuatu yang baik.

"Saya fikir ia memberi impak yang baik. Beliau adalah Naib Presiden nombor satu. Tiada masalah," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelantikan jawatan nombor dua dalam kerajaan itu juga akan meringankan beban tugasnya kerana beliau akan banyak bergerak tahun ini, termasuk ke beberapa negara Asean bagi menemui rakan sejawatannya.

Malah, tugasnya mungkin tidak terbatas kepada lawatan ke negara Asean saja kerana tumpuan juga akan diberi kepada peranan yang dipikul Malaysia

selaku Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Ada persidangan peringkat sidang kemuncak yang akan diadakan, tentunya saya terpaksa hadir. Dengan itu, baik sekiranya saya mempunyai seorang timbalan," katanya.

Mengenai pertukaran Muhyiddin ke Kementerian Pertanian, Abdullah berkata pelantikan seorang menteri kanan untuk menerajui kementerian itu membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan sektor pertanian memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara.

Kementerian Pertanian akan memainkan peranan utama dalam pembangunan dan usaha memodenkan sektor pertanian negara di samping bertanggungjawab untuk menggalakkan program berkaitan dengan mewujudkan industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian.

"Ini bermakna usaha mengkomersilkan produk pertanian itu akan menjadi usaha besar kerana kita hendak memastikan sektor pertanian mempunyai sumber baru dan pertumbuhan baru, terutama di segi sumber menambahkan pendapatan kepada petani dan sumber kekayaan baru bagi mereka.

"Dengan itu saya fikir adalah baik sekiranya Kementerian Pertanian diberi kepada seorang menteri kanan," katanya.

Mengulas pelantikan orang bukan politik sebagai Menteri Kewangan Kedua, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, Nor Mohamed adalah pilihan tepat memandangkan pengalamannya yang luas.

"Saya perlukan menteri yang boleh membantu saya dan sentiasa berada di kementerian kerana banyak kerja perlu dibuat di kementerian itu sekarang. Beliau boleh memberi khidmat secara profesional di kementerian ini," katanya.

Beliau berkata, sebagai seseorang yang bukan ahli politik, Nor Mohamed boleh menumpukan masanya untuk mengawasi ekonomi dan menyelaraskan apa yang perlu diselaraskan.

Nor Mohamed, bekas penasihat Bank Negara yang dilahirkan di Pulau Pinang pada 24 Ogos 1947, mula dilantik sebagai penasihat khas kewangan kepada Perdana Menteri pada 15 Mei 2000 dan jawatan itu terus disandangnya apabila Abdullah menjadi Perdana Menteri.

Mengenai bidang kerja Menteri Tugas-Tugas Khas, Abdullah berkata, beliau akan berbincang lanjut dengan Effendi, khususnya berkaitan banyak projek khas yang perlu diberi perhatian dari segi pelaksanaan dan penyelarasan.

Ditanya sama ada pengumuman rombakan yang dibuatnya itu menandakan pilihan raya umum semakin hampir, Abdullah berkata: "Kalau pilihan raya dah hampir, tak payahlah saya buat lantikan."

Menjawab pertanyaan sama ada barisan Kabinet kini akan kekal sehingga selepas pilihan raya, Abdullah berkata perkara itu akan difikirkan kemudian.

"Bila lepas pilihan raya nanti, saya kena fikirlah pada waktu itu tentang perubahan Jemaah Menteri. Kalau perlu buat perubahan kita buat, kalau tak perlu, teruskan," katanya.

Mengenai nasihatnya kepada Jemaah Menteri sempena mesyuarat pertama Kabinet tahun ini, beliau berkata, amanatnya menyentuh betapa pentingnya mereka bekerja sebagai satu pasukan dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

"Program yang saya umumkan (sebelum ini), saya harap dapat dilaksanakan secepat mungkin, terutama yang ada kaitan dengan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

"Kita boleh laksanakan semua itu tanpa memerlukan perbelanjaan kerana apa yang perlu ialah kita bekerja bersungguh-sungguh. Sistem sudah ada dan kita perlu pandai menggunakan sistem itu untuk memastikan apa yang kita berikan itu ialah khidmat yang terbaik," katanya.